



Ruj. Kami : SUPS.106/15 JLD.9 (48)

Tarikh : 27 Mac 2023

SEMUA KETUA JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato/ Datu/ Dr./ Tuan/ Puan,

CADANGAN PROGRAM BAGI SAMBUTAN BULAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2023

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Dato/Datu/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, sambutan **Bulan Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak** merupakan satu **acara tahunan** yang dianjurkan secara **kolaborasi** antara Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sarawak dan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dalam **usaha untuk terus menyemarakkan budaya inovasi dan kreatif** khasnya kepada warga perkhidmatan awam di Sarawak.

3. Sehubungan dengan itu, pejabat ini sedang **mengenalpasti** Jabatan/Agensi Persekutuan di Sarawak yang **berpotensi** sebagai **agensi pelaksana** bagi **melaksanakan program inovasi** yang dapat dimasukkan ke dalam kalender bulan inovasi bagi **tahun 2023**. Program bulan inovasi ini dijangka akan dilaksanakan dari **27 September sehingga 27 Oktober 2023**.

4. Untuk makluman selanjutnya, **program yang dicadangkan** perlulah **mempunyai elemen inovasi** dan **boleh dilaksanakan** secara **dalam jabatan** ataupun **terbuka** kepada penyertaan luar. Kaedah pelaksanaan juga boleh diadakan sama ada secara fizikal mahupun dalam talian.

5. Oleh yang demikian, sukaita **memohon kerjasama** dan **jasa baik** pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dato/Datu/Dr./Tuan/Puan untuk **mengemukakan cadangan program** yang **bersesuaian dengan inovasi** kepada pejabat ini **pada atau sebelum 18 April 2023 (Selasa)**. Bersama-sama ini disertakan format seperti di **Lampiran 1** untuk tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dato/Datu/Dr./Tuan/Puan jua. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dato/Datu/Dr./ Tuan/Puan **bolehlah menghubungi pegawai seranta, Puan Norhaizum Binti Sahril** ditalian **082 – 417733/019-7228006**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(BANGES MUNGA)

b.p. Setiausaha Persekutuan Sarawak

CADANGAN PROGRAM & TEMA
SEMPENA SAMBUTAN BULAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2023

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Nama Program	
2	Latar Belakang Program	
3	Penganjur	
4	Tarikh Pelaksanaan	
5	Tempat	
6	Sasaran Penglibatan	
7	VIP Jemputan	
8	Cadangan Tema	
9	Nama Pegawai Seranta & No. Tel	

Tandatangan Ketua Jabatan : Cop Jabatan :

Nama :

Jawatan :

*Nota: Sekiranya cadangan program/aktiviti lebih dari satu (1), mohon diisi pada lampiran yang berbeza menggunakan borang yang sama.

Sila kembalikan borang cadangan program yang telah lengkap kepada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak melalui talian faks 082-419452 atau emel persekutuan@persekutuan.gov.my